

Pusat Pergigian Kanak-Kanak & Kolej Latihan Pergigian Malaysia

Tajuk Dokumen : Arahan Kerja Pulpotomi Dan Pulpektomi

No. Dokumen: AK/PP/11

No. Pindaan: 0

Tarikh Berkuatkuasa: 16 Oktober 2009

1.0 Persediaan Peralatan dan Bahan

- 1.1 Sebelum, semasa dan selepas rawatan, kawalan jangkitan silang hendaklah dipatuhi oleh perawat dan pembantu perawat mengikut **Guidelines on Infection Control in Dental Practice (MOH/K/GIG/20.2007(GU))**
- 1.2 Perawat hendaklah mengenalpasti gigi dan jenis rawatan yang akan dilakukan.
 - 1.2.1 Jika memerlukan radiograf, **Prosedur Radiografi (PK/PP/12)** adalah dirujuk.
 - 1.2.2 Bagi JPP, kes hendaklah dirujuk kepada PP mengikut **Prosedur Rujukan (PK/PP/08)**.
 - 1.2.3 Sekiranya pesakit bekerjasama, beri penerangan kepada pesakit dan penjaga tentang rawatan yang akan diberikan.
- 1.3 Pembantu perawat hendaklah menyediakan peralatan dan bahan yang sesuai dengan rawatan mengikut **Guidelines on Infection Control in Dental Practice (MOH/K/GIG/20.2007(GU))**.

2.0 Penyediaan Kaviti

- 2.1 Setelah kes dikenalpasti, tentukan samada anesthesia lokal diperlukan.
 - 2.1.1 Jika ya, suntikan anestetik diberikan.
- 2.2 Setelah peralatan dan bahan telah disediakan, Perawat membuat akses kaviti sehingga ke kebuk pulpa dengan menggunakan 'handpiece' dan bur yang bersesuaian.
 - 2.1.2 Pastikan kaviti adalah bebas daripada karies.
- 2.2 Setelah kebuk pulpa dijumpai, eskavator atau 'handpiece' berkelajuan rendah digunakan untuk mengeluarkan kandungan di dalam kebuk pulpa.
 - 2.2.1 Kawalan perdarahan dilakukan sekiranya perlu.
 - 2.2.2 Sekiranya perdarahan berlanjutan, Rawatan Pulpektomi hendaklah dijalankan.
 - 2.2.3 Sekiranya perdarahan telah berhenti, 'cotton pallet' yang dibasahi dengan larutan kreasot diletakkan ke dalam kaviti (mengikut arahan pengeluar).

Pusat Pergigian Kanak-Kanak & Kolej Latihan Pergigian Malaysia

Tajuk Dokumen : Arahan Kerja Pulpotomi Dan Pulpektomi

No. Dokumen: AK/PP/11

No. Pindaan: 0

Tarikh Berkuatkuasa: 16 Oktober 2009

2.2.4 Bagi kaviti yang memerlukan lawatan yang seterusnya, tampal kaviti dengan tampalan sementara.

2.2.4.1 Jika tidak, teruskan rawatan tampalan.

2.3 Bagi Pulpektomi, setelah kanal dijumpai, bersihkan kanal pulpa.

2.3.1 Perawat menjalankan penyediaan biomekanikal.

2.3.2 Irigasi kanal dengan larutan 'sodium hipoclorite/normal saline' pada setiap langkah biomekanikal.

2.3.3 Keringkan kanal dengan poin kertas.

2.3.4 Letakkan larutan kreasot dengan menggunakan 'cotton pallet' dan letakkan ke dalam kaviti (mengikut arahan pengeluar).

2.3.5 Jika tiada tanda dan gejala pada lawatan yang seterusnya, 'non setting' Zink Oksida Eugenol dimasukkan ke dalam kanal.

3.0 Tampalan

3.1 Setelah memastikan kaviti telah disedia, tampalan hendaklah dilakukan dengan menggunakan simen Zink Oksida Eugenol pada 1/3 kedalaman kaviti.

3.2 Pada 2/3 kedalaman kaviti, tampalan tetap diletakkan dengan merujuk **Arahan Kerja Tampalan (AK/PP/07)**(bergantung kepada bentuk kaviti).

Disediakan oleh: Dr Siti Norhazlin Binti Mohd Said; t/t:

Disemak oleh 1 : Dr Asilatul Hana Binti Abdullah Sani ; t/t:

Disemak oleh 2: Dr Ahmad Termizi Bin Zamzuri; t/t:

Diluluskan oleh: Dr Hasenah Binti Mod Zaki, Pengarah; t/t: